

**KAJIAN TERHADAP KESEDARAN MASYARAKAT TENTANG  
PERKHIDMATAN 'PARK AND RIDE' DI KAWASAN  
SEBERANG PERAI TENGAH,  
PULAU PINANG**

**10DLS13F1039 NORIN NAJEHAH BINTI YUSRI**

**10DLS13F1049 FARA ATIQA BINTI SANUSI**

**10DLS13F1055 NURUL NADIA BINTI ANUAR**

**10DLS13F1061 MUHAMAD AIDIL BIN MOHD ASRI**

**10DLS13F1095 MONISHA MAHENDRAN**

**10JLS13F1022 KISHEN A/L SUPRAMANIAN**

**LAPORAN INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN  
DARIPADA SYARAT MEMPEROLEH DIPLOMA PENGURUSAN LOGISTIK  
'DAN RANGKAIAN BEKALAN**

**JABATAN PERDAGANGAN  
POLITEKNIK SEBERANG PERAI**

**2015**

## PENGHARGAAN

Izinkan kami memulakan penghargaan ini dengan kesyukuran kepada Allah S.W.T yang Maha Berkuasa kerana dengan limpah kurnianya kami sekumpulan dapat menyiapkan laporan projek akhir ini dengan sempurna dan lengkap di mana ia sangat penting bagi memenuhi syarat penganugerahan Diploma Pengurusan Logistik dan Rangkaian Bekalan.

Di kesempatan ini, kami juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada kedua ibu bapa kami serta Politeknik Seberang Perai kerana telah memberi kerjasama dan dorongan serta semangat padu kepada kami dalam menjayakan kajian ini.

Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada En. Abdul Aziz Bin Ishak, selaku ketua penyelarasan projek bagi kos pengurusan logistik dan rangkaian bekalan, Puan Hasnieza Binti Mokhtar, selaku penyelia yang tidak jemu memberikan penerangan serta tunjuk ajar, panduan dan idea-idea dalam menyiapkan kerja ini.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada orang awam dan pengguna perkhidmatan bas di Pulau Pinang, sebagai responden yang banyak menyumbang kerjasama kepada kami sewaktu kajian dijalankan. Akhir sekali, terima kasih diucapkan kepada ahli-ahli kumpulan yang bertungkus lumus dan bekerjasama dalam menyiapkan kertas projek yang menjadi penentu dalam penganugerahan diploma, rakan-rakan seperjuangan dan pihak-pihak yang terlibat dalam menjayakan kajian ini.

## ABSTRAK

Kajian ini bertajuk 'Kajian Terhadap Kesedaran Masyarakat Tentang Perkhidmatan 'Park and Ride' di Kawasan Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang. Kajian ini bertujuan untuk menilai tahap pengetahuan masyarakat tentang perkhidmatan 'Park and Ride' di Pulau Pinang. Perkhidmatan ini adalah salah satu amalan yang bertujuan untuk mengurangkan kesesakkan di dalam kawasan bandar. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan kaedah kajiselidik dan pengamatan ke atas pengunjung supaya dapat mengenalpasti kawasan kajian dengan lebih dekat serta mengetahui keadaan semasa kawasan tersebut. Selain itu, maklumat juga diperolehi daripada pihak berkuasa tempatan Pulau Pinang melalui kaedah temubual. Seramai 100 orang responden di kawasan Bandar Sunway Seberang Jaya, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang telah menjawab borang soal selidik bagi memenuhi objektif-objektif kajian ini. Selain itu, untuk mendapat statistik kajian analisis yang tepat, sistem (SPSS) 'Statistics Package of the Social Science' telah digunakan. Melalui sistem ini, data daripada dapatan kajian menunjukkan bahawa masyarakat mengetahui tentang perkhidmatan 'Park and Ride' di Pulau Pinang.

## ABSTRACT

The research is entitled, "Reviewing the Communities' Awareness of 'Park and Ride' service in Seberang Perai Tengah, Penang". The study is intended to evaluate the level of public's knowledge about 'Park and Ride' services in Seberang Perai Tengah, Penang. The service aims to reduce the traffic congestion in urban areas. Besides that, the study was conducted by using survey method and observations of the users of 'Park and Ride' in Bandar Sunway, Seberang Jaya, Seberang Perai Tengah, Penang. By applying the methods mentioned above, it is to identify areas for a closer study and to discover the current state of that area. In addition, the information was also obtained by interviewing the local authorities in Penang. Moreover, in order to meet the objectives of this study, a total of 100 respondents were involved in this survey, whereby they answered the questionnaires. Besides that, Statistics Package of the Social Science (SPSS) system was used in order to obtain an exact statistical analysis. Through this SPSS system, it is a fact that the public is well aware of the existence of 'Park and Ride' in Penang.

## ISI KANDUNGAN

	Kandungan	Halaman
<b>PENGESAHAN LAPORAN PROJEK</b>		ii
<b>PERAKUAN</b>		iii
<b>PENGHARGAAN</b>		v
<b>ABSTRAK</b>		vi
<b>ABSTACT</b>		vii
<b>KANGDUNGAN</b>		viii
<b>SENARAI JADUAL</b>		xi
<b>SENARAI RAJAH</b>		xii
<b>BAB 1</b>	<b>Pengenalan</b>	
1.1	Latar Belakang Kajian	1
1.2	Penyataan Masalah	3
1.3	Objektif Kajian	4
1.4	Persoalan Kajian	5
1.5	Skop Kajian	5
1.6	Kepentingan Kajian	5
	1.6.1 Pihak Rapid Pulau Pinang	6
	1.6.2 Kepentingan Kepada Masyarakat	6
	1.6.3 Kepentingan Kepada Pengkaji Masa Akan Datang	6
1.7	Definasi Operasi	7
	1.7.1 Mengkaji	7
	1.7.2 Kesedaran	7
	1.7.3 Masyarakat	8
	1.7.4 Perkhidmatan 'Park And Ride'	8
	1.7.5 Promosi	8
	1.7.6 Kemudahan	9
	1.7.7 Keselamatan	9
1.8	Limitasi Kajian	9

<b>BAB 2</b>	<b>SOROTAN KAJIAN</b>	
2.1	Pendahuluan	11
2.2	Faktor 1 : Promosi	11
2.3	Faktor 2 : Kemudahan	13
2.4	Faktor 3 : Keselamatan	14
2.5	Kesimpulan	16
<b>BAB 3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.1	Pendahuluan	18
3.2	Reka Bentuk Kajian	19
3.3	Kaedah Pengumpulan Data	19
3.4	Populasi Dan Sampel Kajian	20
	3.4.1 Populasi	20
	3.4.2 Sampel	21
3.5	Instrumen Kajian	21
	3.5.1 Borang Soal Selidik	22
3.6	Tatacara Kajian	23
3.7	Konklusi Kajian	26
<b>BAB 4</b>	<b>HASIL DAPATAN</b>	
4.1	Pendahuluan	27
4.2	Analisis Kebolehpercayaan Data	28
4.3	Dapatan Kajian	29
	4.3.1 Jantina	30
	4.3.2 Bangsa	31
	4.3.3 Pekerjaan	32
	4.3.4 Memiliki Kenderaan	33
	4.3.5 Kekerapan Menggunakan 'Park And Ride' Dalam Seminggu	34
	4.3.6 Cara Pembayaran	36
	4.3.7 Perkhidmatan Secara Keseluruhan	37
	4.3.8 Penggunaan Kad Rapid Di Kawasan 'Park And Ride'	38
	4.3.9 Faktor Promosi	41

	4.3.10 Faktor Kemudahan	45
	4.3.11 Faktor Keselamatan	49
<b>BAB 5</b>	<b>PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN</b>	
5.1	Pendahuluan	53
5.2	Perbincangan	54
	5.2.1 Perbincangan Mengenai Faktor Promosi	54
	5.2.2 Perbincangan Mengenai Faktor Kemudahan	55
	5.2.3 Perbincangan Mengenai Faktor Keselamatan	56
5.3	Implikasi Kajian	57
5.4	Cadangan	58
	5.4.1 Cadangan Kepada Pihak Rapid Pulau Pinang	59
	5.4.2 Cadangan Kepada Pengguna	60
	5.4.3 Cadangan Kepada Pengkaji Akan Datang	60
5.5	Kesimpulan	60

## SENARAI JADUAL

<b>No. Jadual</b>		<b>Halaman</b>
3.5.1	Skala likert	23
4.2.1	Jadual analisis keboleh percayaan data bagi 'Pilot Test'	28
4.2.2	Jadual analisis kebolehpercayaan data bagi 100 responden	29
4.3.1	Taburan responden mengikut kategori jantina	30
4.3.2	Taburan responden mengikut kategori bangsa	31
4.3.3	Taburan responden mengikut kategori pekerjaan	32
4.3.4	Taburan responden mengikut kategori memiliki kenderaan	33
4.3.5	Taburan responden mengikut kategori kekerapan menggunakan 'Park and Ride' dalam seminggu	35
4.3.6	Taburan responden mengikut kategori cara pembayaran	36
4.3.7	Taburan responden mengikut kategori perkhidmatan secara keseluruhan	37
4.3.8	Taburan responden mengikut kategori penggunaan kad rapid di kawasan 'Park and Ride'	38
4.3.9	Reaksi responden terhadap faktor promosi	41
4.3.10	Reaksi responden terhadap faktor kemudahan	45
4.3.11	Reaksi responden terhadap faktor keselamatan	49



**SENARAI RAJAH**

<b>No.Rajah</b>		<b>Halaman</b>
4.3.1	Peratusan responden mengikut kategori jantina	30
4.3.2	Peratusan responden mengikut kategori bangsa	31
4.3.3	Peratusan responden mengikut kategori pekerjaan	32
4.3.4	Peratusan responden mengikut kategori memiliki kenderaan	34
4.3.5	Peratusan responden mengikut kategori kekerapan menggunakan 'Park and Ride'	35
4.3.6	Peratusan responden mengikut kategori cara pembayaran	36
4.3.7	Peratusan responden mengikut kategori perkhidmatan secara keseluruhan	37
4.3.8	Peratusan responden mengikut kategori penggunaan kad rapid di kawasan 'Park and Ride'	39

## **BAB 1**

### **Pengenalan**

#### **1.1 Latar Belakang Kajian**

Dunia sentiasa mengalami inovasi dalam sistem pengangkutan dari semasa ke semasa. Dalam era globalisasi kini, pelbagai jenis kenderaan yang moden telah dicipta bagi menggantikan kenderaan yang konvensional. Pada masa kini, terdapat pelbagai jenis kenderaan awam seperti monorel, ERL, komuter, bas, teksi, kapal terbang dan sebagainya. Pengangkutan awam yang moden itu pula mampu untuk memainkan peranan yang penting kepada sesebuah negara untuk menuju ke arah kemajuan. Dengan perkataan lain, pengangkutan awam terdapat di negara kita juga tidak kurang pentingnya kerana terdapat pelbagai kelebihan yang akan diperolehi apabila masyarakat menggunakannya. Kelebihan utama pengangkutan awam adalah dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas di ibu kota atau bandar-bandar besar yang lain. Hal ini demikian kerana, kebanyakan rakyat Malaysia gemar menggunakan kenderaan sendiri terutamanya ketika ingin menuju ke tempat kerja.

Pengangkutan awam biasanya dikenali sebagai pengangkutan umum dan biasanya diatur untuk menawarkan perkhidmatan berjadual dalam laluan tetap tanpa penempahan, kebanyakan penumpang transit bergerak dalam lingkungan kawasan

tempat di antara rumah mereka dan tempat kerja, pusat beli belah atau institusi pendidikan.

Pengangkutan awam terutamanya bas merupakan antara mod pengangkutan awam yang terpenting dan menjadi pilihan pengguna pada masa kini. Pengangkutan bas biasanya tertumpu di kawasan bandar dan kampung serta untuk perjalanan jarak jauh. Antara penyebab utama yang mendorong pengguna menggunakan perkhidmatan bas adalah bagi membolehkan penjimatan wang disamping dapat menjimatkan masa dan tenaga mereka.

Rapid Penang adalah salah satu pengendali bas utama di Pulau Pinang dan memulakan operasinya pada 31 Julai 2007. Ia dibiayai oleh Kementerian Kewangan Diperbadankan dan merupakan anak syarikat Syarikat Rangkaian Pengangkutan Integrasi Deras Sdn Bhd (Rapidkl). Pelancaran perkhidmatan bas Rapid Penang telah diadakan di Butterworth oleh bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Rapid Penang bertujuan untuk menyediakan perkhidmatan pengangkutan awam yang selesa, berpatutan dan boleh dipercayai untuk Pulau Pinang. Kini Pihak Rapid Penang mempunyai 350 bas beroperasi pada jumlah 46 perkhidmatan laluan sambil menyediakan perkhidmatan ulang-alik untuk pautan antara koridor di kedua-dua pulau dan tanah besar. Semua bas ini dilengkapi dengan lantai yang sangat rendah dan mesra-OKU. Rapid Penang menyokong semua inisiatif untuk orang kurang upaya dan warga tua, serta mereka yang kurang bernasib baik.

Kesimpulannya, pengangkutan awam banyak mendatangkan manfaat dalam memudahkan masyarakat menjalani urusan seharian. Semua lapisan masyarakat Malaysia digalakkan menggunakan pengangkutan awam. Oleh itu, pihak kerajaan

juga hendaklah memainkan peranan yang penting dengan menaik taraf perkhidmatan pengangkutan awam di Malaysia agar setanding dengan negara-negara yang lain.

## 1.2 PENYATAAN MASALAH

Inisiatif dan keperihatinan Kerajaan Negeri terhadap permasalahan rakyat Pulau Pinang kini menampakkan hasil apabila perkhidmatan 'Park and Ride' yang dilancarkan pada 1 Mac 2011 terus mendapat respon yang baik daripada golongan pengguna sejak perkhidmatan ini dilaksanakan. Memetik laporan akhbar Buletin Mutiara "Perkhidmatan tersebut disediakan khususnya bagi pekerja yang tinggal di Seberang Perai dan bekerja pada waktu pejabat di sekitar Zon Perindustrian Bebas Bayan Lepas (FIZ) di Pulau Pinang".

Namun begitu, perkhidmatan ini dilihat kurang mengetengahkan usaha dalam melancarkan promosi bagi memberi pengetahuan kepada masyarakat tentang perkhidmatan 'Park and Ride' ini. Promosi merupakan perkara utama yang perlu diberi perhatian daripada pihak pengurusan 'Park and Ride'. Ketiadaan atau promosi yang tidak mencukupi menyebabkan perkhidmatan ini akan kurang mendapat sambutan yang lebih mendalam daripada masyarakat setempat. Begitu juga dari segi kemudahan yang disediakan, pihak 'Park and Ride' perlu selalu menaik tarafkan kemudahan samaada didalam bas mahupun di setiap perhentian bas.

Selain itu juga, permasalahan yang lain ialah kejadian kemalangan yang kerap berlaku diatas Jambatan Pulau Pinang. Memetik berita dari Utusan Online, "PULAU PINANG 3 Dis. – Kurang 24 jam selepas kemalangan maut membabitkan kereta Toyota Camry di atas Jambatan Pulau Pinang semalam, satu lagi kemalangan berlaku hari ini membabitkan kenderaan jenis sama. Kejadian-kejadian yang begini disebabkan oleh faktor kesesakan lalulintas pada waktu-waktu kemuncak.

Ketua menteri Lim Guan Eng menyatakan bahawa “Tujuan program ini adalah untuk mengurangkan penggunaan kenderaan sendiri ke pulau itu dan mengurangkan kesesakan lalu lintas di negeri ini”, bukan itu sahaja, berdasarkan kaji selidik yang dijalankan oleh unit pengurusan trafik Majlis Perbandaran Pulau Pinang, pengguna perkhidmatan ‘Park and Ride’ berpuas hati dengan perkhidmatan dan berharap bahawa perkhidmatan ini boleh diperluaskan ke kawasan lain seperti Jawi, Nibong Tebal, Kulim dan Balik Pulau (BERNAMA 2014).

### **1.3 OBJEKTIF KAJIAN**

Bagi mencapai tujuan ini, terdapat beberapa objektif yang dapat dikenalpasti. Antaranya ialah :

- i) Menenalpasti tentang faktor promosi mempengaruhi kesedaran masyarakat tentang perkhidmatan ‘Park and Ride’ di Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang.
- ii) Menenalpasti tentang faktor kemudahan mempengaruhi kesedaran masyarakat tentang perkhidmatan ‘Park and Ride’ di Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang.
- iii) Menenalpasti tentang faktor keselamatan mempengaruhi kesedaran masyarakat tentang perkhidmatan ‘Park and Ride’ di Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang.

## **1.4 PERSOALAN KAJIAN**

Persoalan kajian dibuat adalah untuk menjawab kembali jawapan objektif kajian.

Antaranya persoalannya ialah:

- i) Adakah faktor promosi mempengaruhi kesedaran masyarakat tentang perkhidmatan 'Park and Ride' di Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang.
- ii) Adakah faktor kemudahan mempengaruhi kesedaran masyarakat tentang perkhidmatan 'Park and Ride' di Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang.
- iii) Adakah faktor keselamatan mempengaruhi kesedaran masyarakat tentang perkhidmatan 'Park and Ride' di Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang.

## **1.5 SKOP KAJIAN**

Kajian ini tertumpu kepada orang awam dan pengguna perkhidmatan di bawah pengangkutan awam Rapid Penang di sekitar Seberang Perai Tengah, Pulau Penang. Tujuan ini adalah untuk mengkaji kesedaran masyarakat tentang perkhidmatan 'Park and Ride' di Seberang Perai Tengah, Pulau Penang.

## **1.6 KEPENTINGAN KAJIAN**

Pada era globalisasi yang canggih ini pembangunan tumbuh dengan pesat ibarat "cendawan tumbuh selepas hujan". Sehubungan itu, wujud pelbagai perkhidmatan pengangkutan yang ditawarkan kepada masyarakat khususnya perkhidmatan bas. Oleh yang demikian, melalui kajian ini dapat memberikan kepentingan kepada pihak Rapid Penang.

### **1.6.1 Pihak Rapid Pulau Pinang**

Melalui kajian yang dijalankan, ianya dapat membantu pihak Rapid Penang bagi menilai tahap kualiti perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan mereka. Justeru itu, dengan adanya maklum balas daripada pelanggan, pihak Rapid Penang dapat memperbaiki kelemahan dan perkhidmatan yang diberikan dan untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan yang diberikan. Melalui kajian ini, data yang ada, pihak Rapid Penang dapat mempelbagaikan lagi kemudahan dan perkhidmatan pada masa akan datang.

### **1.6.2 Kepentingan Kepada Masyarakat (Pegguna)**

Kajian ini memberi kepentingan kepada masyarakat Seberang Perai. Perkhidmatan yang ditawarkan oleh Rapid Penang dengan meluas. Perkhidmatan Rapid ini merupakan salah satu perkhidmatan yang mendapat perhatian di kalangan masyarakat. Oleh itu, dengan kajian ini, dapat memperkenalkan kepada masyarakat mengenai perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihak Rapid Penang. Justera itu, penumpang dapat menyuarakan pendapat dan aduan melalui borang maklum balas yang diedarkan kepada mereka oleh pihak pengkaji. Dengan borang maklum balas tersebut, aduan dan cadangan mereka dapat disampaikan kepada pihak Rapid Penang.

### **1.6.3 Kepentingan Kepada Pengkaji Masa Yang Akan Datang**

Kajian ini juga memberikan kepentingan dan kelebihan kepada pengkaji masa yang akan datang. Melalui penyelidikan ini pengkaji dapat menjadikan kajian ini sebagai sumber rujukan mereka. Penyelidik menyarankan supaya pengkaji masa yang akan datang dapat mengupas dengan lebih lanjut dengan menggunakan objektif kajian yang sesuai.

## **1.7 DEFINASI OPERASI**

Definisi operasi ini bertujuan untuk menyokong tajuk kajian dan memberikan maksud kepada perkataan daripada tajuk kajian. Tajuk kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji adalah pengetahuan masyarakat tentang perkhidmatan 'Park and Ride' di Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang. Faktor yang diketengahkan oleh pengkaji adalah dari segi promosi, kemudahan dan keselamatan.

### **1.7.1 Mengkaji**

Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga, menjelaskan mengkaji sebagai menyelidik dan meneliti dengan mendalam atau terperinci supaya benar-benar mengetahui sesuatu dan dapat membuat keputusan.

Dalam konteks kajian ini, mengkaji boleh dimaksudkan dalam menyelidik dan meneliti dengan lebih mendalam tentang faktor-faktor yang mempengaruhi kesedaran masyarakat terhadap perkhidmatan 'Park and Ride' di kawasan Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang.

### **1.7.2 Kesedaran**

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, kesedaran adalah perihal tentang keadaan atau sedar akan sesuatu keadaan.

Dalam konteks kajian ini, kesedaran boleh dikaitkan dengan perihal keadaan masyarakat yang tidak menyedari tentang kewujudan perkhidmatan 'Park and Ride'.



### **1.7.3 Masyarakat**

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, masyarakat adalah kumpulan manusia yang hidup bersama.

Dalam konteks kajian ini, masyarakat adalah golongan pengguna yang tidak mengetahui tentang kewujudan 'Park and Ride'.

### **1.7.4 Perkhidmatan 'Park and Ride'**

Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga, kemudahan tempat meletak kereta dengan sambungan pengangkutan awam yang membolehkan pengguna dan orang lain menuju ke pusat-pusat bandar untuk meninggalkan kenderaan mereka dan pemindahan ke bas, sistem kereta api transit aliran, kereta api ringan, atau kereta api komuter, atau berkongsi kereta bagi baki perjalanan. Kenderaan tersebut ditinggalkan di tempat letak kereta di siang hari dan diambil apabila pemilik kembali. 'Park and Ride' secara amnya terletak di pinggir bandar kawasan atau di bandar-bandar besar.

### **1.7.5 Promosi**

Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga, promosi bermaksud segala usaha dan kegiatan untuk menggalakan atau mempertimbangkan sesuatu perkhidmatan.

Dalam konteks kajian ini, promosi ialah usaha yang dilakukan oleh pihak Rapid untuk mempertimbangkan perkhidmatan mereka kepada pengguna dengan cara melalui media cetak dan media elektronik.

### **1.7.6 Kemudahan**

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, kemudahan adalah perihal atau keadaan mudah atau keselesaan dan kesenangan pihak yang tertentu. Sesuatu yang memudahkan.

Dalam konteks kajian ini, kemudahan boleh diertikan dengan keadaan yang memberikan keselesaan kepada pengguna perkhidmatan 'Park and Ride'.

### **1.7.7 Keselamatan**

Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga, keselamatan adalah suatu keadaan aman, dalam suatu kondisi secara sosial, emosional, pekerjaan, ataupun pendidikan dan terhindar dari ancaman terhadap faktor-faktor tersebut. Untuk mencapai hal ini, dapat dilakukan perlindungan terhadap suatu kejadian yang memungkinkan terjadinya kerugian.

## **1.8 LIMITASI KAJIAN**

Kajian ini hanya tertumpu kepada orang awam dan pengguna bas Rapid di sekitar Seberang Perai Tengah, Pulau Penang. Limitasi kajian yang didapati sepanjang pelaksanaan kajian ini adalah faktor masa. Masa yang diperuntukkan untuk membuat kajian ini adalah sangat terhad kerana jadual kelas. Oleh itu, terdapat kekangan masa untuk mendapatkan 100 orang responden.

Faktor komunikasi juga merupakan salah satu limitasi kajian didalam menjalani kajian ini. Ini kerana komunikasi antara pengkaji dengan responden kadangkala tidak dicapai. Ada juga komunikasi yang tidak berkesan berlaku kerana sesetengah daripada responden tidak mengetahui mengenai perkhidmatan 'Park and Ride'. Hal ini kerana, kebanyakan daripada responden yang menaiki bas Rapid Penang adalah berbangsa Indonesia dan mereka kurang fasih dalam memahami dalam bahasa melayu dengan baik. Ada juga responden seperti masyarakat Malaysia enggan bekerjasama dalam menjawab soalan kaji selidik.

Pengangkutan juga merupakan salah satu limitasi yang dihadapi. Memandangkan kajian kami adalah mengenai Bas Rapid ada juga masalah yang timbul semasa proses pengedaran soalan kajian kepada pengguna bas Rapid.

## **BAB 2**

### **SOROTAN KAJIAN**

#### **2.1 PENDAHULUAN**

Pada masa kini, mod pengangkutan merupakan aspek penting kepada pengguna untuk bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain. Hal ini, berkenaan kesedaran masyarakat tentang perkhidmatan 'Park and Ride' di sekitar Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang dari segi promosi, kemudahan dan juga keselamatan yang disediakan. Oleh itu, pihak pengkaji ingin melihat sejauh mana tahap kesedaran masyarakat tentang perkhidmatan 'Park and Ride' di Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang.

#### **2.2 FAKTOR 1 : PROMOSI**

Promosi merupakan salah satu elemen penting dalam sesebuah perniagaan kerana ia boleh menentukan kejayaan dan kegagalan perniagaan tersebut. Selain itu, promosi adalah aktiviti yang ditujukan untuk memberitahu, memujuk, atau mempengaruhi pembeli untuk tetap menggunakan sesuatu produk yang dihasilkan oleh sesebuah perusahaan tersebut. Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga, promosi didefinisikan sebagai segala usaha dan kegiatan untuk menggalakkan atau mempertingkatkan jualan barangan. Menurut (Philip Kotler dan Gary Armstrong 2010), promosi termasuklah

aktiviti-aktiviti yang memberitahu kebaikan keluaran kepada pelanggan sasaran untuk membelinya.

Menurut (Henry Simamora 2001) ada beberapa alasan para usahawan melakukan promosi antaranya ialah menyediakan maklumat. Sebagai contoh, pembeli dan penjual mendapat manfaat dari fungsi maklumat promosi yang telah dilakukan. Selain itu, dengan mempromosikan manfaat barangan daripada usahawan kepada para pelanggan dapat mengelakkan pelanggan daripada membeli barangan daripada pesaing pada masa mereka sedang membuat keputusan untuk memilih barang atau perkhidmatan.

Menurut Yap Soo Huey, Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Pulau Tikus (2013) program Penggunaan Pengangkutan Hijau telah dilancarkan bagi menggalakkan penduduk dan orang awam menggunakan bas Rapid Penang dan memberi maklum balas terhadap perkhidmatan bas tersebut. Di bawah skim ini, para peserta akan diberikan Kad Perjalanan Rapid bulanan secara percuma selama tiga bulan. Sebagai balasan, mereka perlu untuk melengkapkan kaji selidik bulanan bagi mengukur pengalaman mereka menggunakan perkhidmatan ini dalam tempoh tersebut.

Menurut akhbar (Sinar Harian 2012) di petik daripada pembentangan bajet 2013 yang disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng Ketua Menteri Pulau Pinang, pengiktirafan Pulau Pinang sebagai 'Eighth Most Liveable City In Asia' oleh ECA International pada tahun 2008-2012 dan paling sesuai diduduki di Malaysia telah meletakkan Pulau Pinang sebaris dengan destinasi perlancongan utama di Asia. Pulau Pinang sering menjadi destinasi penganjuran acara-acara kebudayaan nasional dan antarabangsa yang telah menarik ramai pelancong-pelancong asing dan tempatan sekaligus telah mempromosikan Negeri Pulau Pinang. Prasarana bagi meningkatkan penggunaan perkhidmatan pengangkutan awam di Pulau Pinang akan di peruntukkan bagi megalakkan lagi pelancong datang melawat ke negeri ini.